



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**KOLEKSI
SURAT PEKELILING IKHTISAS
2005**



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director-General of Education Malaysia

KP(BS-DSR)8787/008/2(**4**)

12 Mei 2005

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1 /2005

MEMANTAPKAN BUDAYA MEMBACA DI KALANGAN MURID SEKOLAH

Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil maklum bahawa matlamat utama Dasar Buku Negara adalah untuk menerapkan amalan membaca sebagai satu budaya masyarakat Malaysia dan usaha ini boleh direalisasikan sekiranya budaya membaca disemai dan dipupuk sejak awal lagi di bangku sekolah. Kementerian Pelajaran memutuskan supaya langkah-langkah proaktif yang dirancang secara sedar hendaklah diambil bagi mendekatkan murid-murid sekolah dengan buku sejak awal persekolahan lagi.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **GARIS PANDUAN MEMANTAPKAN BUDAYA MEMBACA DI KALANGAN MURID SEKOLAH** (Lampiran A). Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat-surat Pekeliling Ikhtisas berikut:

- 2.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998, **Program Membina Tabiat Membaca**, bertarikh 22 Mei 1998;
- 2.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2000, **Tahun Pusat Sumber Sekolah (PSS) 2000**, bertarikh 20 April 2000; dan
- 2.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2001, **Gerakan Membaca Di Sekolah-Sekolah Melalui Persatuan Perpustakaan Sekolah Peringkat Negeri**, bertarikh 19 November 2001.

3. Sila maklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Bahagian dan semua pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran Yang Berbahagia Datuk/ Dato'/ Datu/Datin/Tuan/Puan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

DATU' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k:

1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha,
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia

**GARIS PANDUAN
MEMANTAPKAN BUDAYA MEMBACA
DI KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH**

LATAR BELAKANG

Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap kepentingan membina budaya membaca di kalangan murid sekolah seluruh negara. Usaha-usaha menjadikan membaca sebagai budaya perlu diberi penekanan yang wajar dalam pelaksanaan sistem pelajaran negara selaras dengan hasrat mewujudkan budaya ilmu. Usaha Kementerian Pelajaran ini adalah selaras dengan Dasar Buku Negara iaitu:

1. buku dalam Bahasa Melayu sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan keperluan dan cita-cita negara,
2. buku untuk semua golongan masyarakat di negara ini,
3. masyarakat Malaysia sebagai masyarakat yang membaca, dan
4. semua buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik dari segi isi dan juga dari segi bentuk fizikalnya.

LANGKAH-LANGKAH

- 1.0 Peranan Pengetua dan Guru Besar hendaklah ditekankan secara serius dan menyeluruh untuk melaksanakan program NILAM dengan mengambil langkah-langkah berikut:
 - 1.1 mengambil bahagian secara aktif dalam program ini dengan melibatkan semua murid dan guru mata pelajaran,
 - 1.2 memberi pengiktirafan kepada murid yang banyak membaca buku,
 - 1.3 mempromosikan Program NILAM dengan lebih agresif di sekolah supaya mesej dapat disebarkan dengan lebih cepat dan meluas;
 - 1.4 memantapkan sistem pengurusan rekod bacaan murid dan data pencapaian NILAM,
 - 1.5 mencatat jumlah bacaan NILAM individu murid ke dalam buku rekod kemajuan murid serta sijil berhenti sekolah murid,
 - 1.6 memastikan setiausaha NILAM menyelaras pengurusan rekod bacaan dan data bacaan murid dengan kerjasama Penyelaras Pusat Sumber Sekolah, Ketua Bidang / guru kanan mata pelajaran dan guru-guru lain,

- 1.7 mengambil kira buku-buku yang dibaca dalam program bacaan lain, termasuk Komponan Sastera Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Bacaan Awal Berstruktur , Bacaan Luas dan lain-lain, dan
 - 1.8 mewujudkan persekitaran yang kondusif di sekolah untuk menggalakkan murid membaca dengan mengadakan pondok-pondok dan sudut-sudut bacaan seperti 'Meja Ilmu' di kantin, 'Laluan Ilmu' di kawasan lorong koridor, 'Dinding Ilmu' dan 'Tiang Ilmu' di mana-mana yang sesuai.
- 2.0 Peranan Pusat Sumber Sekolah sebagai nadi ilmu di sekolah hendaklah dipertingkatkan dengan mengambil langkah-langkah berikut:
- 2.1 memperbanyakkan pelbagai sumber bacaan dengan cara;
 - 2.1.1 membeli bahan bacaan dan pelbagai bahan sumber dengan menggunakan peruntukan per kapita Pusat Sumber Sekolah (PCG) secara maksimum,
 - 2.1.2 menganjurkan kempen menderma buku, majalah, jurnal, komik yang sesuai dan bahan-bahan bacaan lain sama ada baru atau terpakai dengan bantuan PIBG bagi menambahkan koleksi di Pusat Sumber Sekolah,
 - 2.1.3 mendapatkan sumbangan daripada pihak luar seperti orang perseorangan, pertubuhan NGO atau syarikat swasta untuk menambah bahan bacaan dan peralatan elektronik mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada (sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas).
 - 2.2 mewujudkan Sudut Karya Besar (seperti Lampiran A1) di Pusat Sumber Sekolah;
 - 2.3 mempamerkan senarai nama pelajar yang paling banyak membaca dan carta 10 buku yang paling popular,
 - 2.4 mengadakan aktiviti-aktiviti galakan membaca yang berterusan terutamanya pada hari-hari tertentu;
 - i) Hari Buku Sedunia – pada setiap 23 April.
 - ii) Bulan Julai – Bulan Membaca Kebangsaan
 - iii) Hari Pusat Sumber Sekolah Antarabangsa - pada setiap hari Isnin Minggu ke – 4 pada bulan Oktober.
 - 2.5 menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk membantu murid membuat rujukan di Pusat Sumber Sekolah bagi menyiapkan tugas atau kerja kursus,
 - 2.6 menyediakan koleksi dan perkhidmatan untuk membantu murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca,

- 2.7 guru penyelaras Pusat Sumber Sekolah bekerjasama dengan guru-guru mata pelajaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber.

3.0 Peranan guru mata pelajaran:

- 3.1 melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan sumber dan kemahiran membaca serta memberi penekanan kepada Literasi Maklumat.
- 3.2 mengadakan aktiviti bacaan tambahan dalam bilik darjah semasa waktu senggang,
- 3.3 menjadikan aktiviti membaca sebagai satu aktiviti harian seperti membuat ulasan buku, bercerita pada setiap kali perhimpunan, aktiviti membaca secara kuat (reading aloud) semasa perhimpunan atau 10-15 minit setiap hari di dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam mata pelajaran bahasa,
- 3.4 melatih dan membimbing murid-murid akan kaedah pembacaan yang baik dan berkesan,
- 3.5 mengadakan pelbagai pertandingan dan menjadikan buku sebagai hadiah selain daripada sijil dan trofi.

4.0 Peranan ibubapa dan komuniti:

- 4.1 menyumbangkan idea, tenaga dan kepakaran masing-masing secara sukarela dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti galakan membaca yang dianjurkan oleh pihak sekolah,
- 4.2 mewujudkan suasana persekitaran yang berorientasikan pelajaran seperti membina perpustakaan mini keluarga atau sudut bacaan di rumah untuk menggalakkan anak-anak membaca,
- 4.3 memastikan anak-anak melibatkan diri dalam program NILAM dengan mengesahkan dan menandatangani rekod bacaan NILAM anak-anak mereka,
- 4.4 membuat pinjaman bahan bacaan daripada sumber lain untuk anak-anak mereka (seperti Perpustakaan Awam, Desa, Bergerak dan sebagainya).

CONTOH BUKU-BUKU BACAAN KARYA BESAR (GREAT WORKS) UNTUK PUSAT SUMBER SEKOLAH-SEKOLAH DI MALAYSIA

Definisi Karya Besar

Karya-Karya Besar merupakan karya-karya yang berjaya meninggalkan kesan seni, ilmu, falsafah, budaya, dan sosial yang kekal dalam kesedaran dan ingatan pembaca. Unsur dalam karya ini merangkumi mutu, nilai ketamadunan dan nilai kemanusiaan di dalam karya tersebut. Karya-karya Besar adalah karya yang ditulis oleh sasterawan atau penulis terkenal dan berwibawa di mana hasil penulisannya mempunyai tema yang boleh memberi kesan kepada masyarakat dan mempunyai mesej yang mendalam.

Rasional

Galakan membaca karya besar perlu ditekankan dalam penghayatan pembacaan murid bagi menjurus mereka ke arah pemikiran kritis dan kreatif. Karya besar amat penting kerana karya ini merupakan khazanah komprehensif tentang maklumat dan ilmu pengetahuan dalam semua bidang ilmu yang berkembang dalam sejarah peradaban manusia. Kefahaman kepada idea dan gagasan besar yang dilontarkan merupakan usaha manusia untuk memahami dan menghayati kebijaksanaan yang merupakan santapan mental dan rohani yang diperlukan oleh manusia.

Contoh senarai nama buku bacaan Karya Besar yang sesuai disediakan untuk Pusat Sumber Sekolah.

I. BAHAN BACAAN BAHASA MELAYU

Sekolah Menengah

Karya Klasik

1. Hikayat Amir Hamzah
2. Hikayat Awang Sulung Merah Muda
3. Hikayat Laila Majnun
4. Hikayat Langkasuka
5. Hikayat Malim Deman
6. Hikayat Merong Mahawangsa
7. Hikayat Pendawa Lima
8. Hikayat Raja Donan
9. Hikayat Seribu Satu Malam (terjemahan A.K Zain)
10. Hikayat Taju'l Muluk
11. Pelayaran Abdullah - Munsyi Abdullah
12. Sejarah Melayu - Tun Sri Lanang
13. Tuhfat An-Nafis

Bacaan Matang

1. Dilema Melayu - Tun Mahathir
2. Fiqh & Perundangan Islam - Wahbah Al-Zuhaili
(diterjemahkan oleh Syed Ahmad Syed Hussein)
3. Hayatus Sahabat - As Sheikh Muhammad Yusof Al-Kandahlawi (diterjemahkan oleh Abdul Khairy Al-Latifi)
4. Ihya Ulumiddin - Imam Al-Ghazali (terjemahan)
5. Keamanan Abadi - Daisaku Ikeda (terjemahan)
6. Kaum-Kaum yang Pupus - Harun Yahya
7. Memoir Seorang Pejuang - Dato' Aisyah Ghani.
8. Misa Melayu - Za'ba
9. Pemikiran Lateral - Edward de Bono (terjemahan)
10. Sepuluh Wasiat Hasan Al-Banna - (terjemahan A. Mudjab Mahali)

Novel Sastera Menengah Tinggi

1. Atap Genting, Atap Rumbia - Mana Sikana
2. Anak Titiwangsa - Keris Mas
3. Biru Warna - Awang Had Salleh
4. Daerah Tercinta - Muhd Mansor Abdullah
5. Daerah Zeni - A. Samad Said
6. Desa Pingitan - Ibrahim Omar
7. Di Sebalik Sebuah Kubah - Harun Hj. Salleh
8. Gelombang Hidup - Abdullah Sidek
9. Gelora - Arena Wati
10. Hujan Pagi - A. Samad Said
11. Langit Petang - A. Samad Said
12. Lepaskan Kembali Aku ke Laut - Shaari Isa
13. Lingkaran - Arena Wati
14. Merantau ke Deli - Hamka
15. Mega-Mega di Langit - Talib Y.K
16. Meniti Cahaya - Ghazali M.A
17. Pohon Jejawi Tuk Merah - Zainuddin Saad
18. Pulanglah Perantau - Aziz Jahpin
19. Ranjau Sepanjang Jalan - Shahnnon Ahmad
20. Rantau Selamat - Abdullah Hussein
21. Rentong - Shahnnon Ahmad
22. Ronjang - Mana Sikana
23. Salah Asuhan - Abdul Moies
24. Saga - A. Talib Hasan
25. Salina - A. Samad Said
26. Sakura Mengorak Kelopak - Arena Wati
27. Sami Mekong. - Azizi Hj. Abdullah
28. Samudera - Arena Wati
29. Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur - Keris Mas
30. Senja Belum Berakhir - Azizi Hj. Abdullah

- | | | | |
|-----|----------------------------------|---|--------------------|
| 31. | Senjakala | - | Baharudin Kahar |
| 32. | Sesudah Fajar Sebelum Senja | - | Baharuddin C.D |
| 33. | Sisa Neraka Dunia | - | Ahmad Lutfi |
| 34. | Siti Nurbaya | - | Marah Rusli |
| 35. | Sungai Mengalir Lesu | - | A.Samad Said |
| 36. | Seorang Tua di Kaki Gunung | - | Azizi Hj. Abdullah |
| 37. | Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck | - | Hamka |
| 38. | Tok Guru | - | Shahnon Ahmad |
| 39. | Tunggul-tunggul Gerigis | - | Shahnon Ahmad |
| 40. | Uda dan Dara | - | Usman Awang |

Novel Sastera Menengah Rendah

- | | | | |
|-----|----------------------------------|---|--------------------|
| 1. | Anak Māt Lela Gila | - | Pak Sako |
| 2. | Arus | - | Anwar Ridhwan |
| 3. | Bagaton | - | Amil Jaya |
| 4. | Buih di Atas Air | - | Abdullah Hussein |
| 5. | Di Negeri Belalang | - | Anwar Ridhwan |
| 6. | Di Ar Ti | - | Rahmat Haroun |
| 7. | Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga | - | Jong Chian Lai |
| 8. | Hari Terakhir Seorang Seniman | - | Anwar Ridhwan |
| 9. | Hidayah | - | Harun Hj. Salleh |
| 10. | Interlok | - | Abdullah Hussein |
| 11. | Konserto Terakhir | - | Abdullah Hussain |
| 12. | Magavau | - | Siow Siew Seng |
| 13. | Mira Edora | - | Khatijah Hashim |
| 14. | Merpati Putih Terbang Lagi | - | Khatijah Hashim |
| 15. | Mencari Azizah | - | Khatijah Hashim |
| 16. | Projek 238 | - | B.H Amir |
| 17. | Puteri Gunung Tahan | - | Pak Sako |
| 18. | Pahlawan Lembu | - | S.Othman Kelantan |
| 19. | Rimba Harapan | - | Keris Mas |
| 20. | Selubung Senja | - | Norhisham Mustapha |
| 21. | Sentuhan Oedipus dan Manuklon | - | Rahmat Haroun |
| 22. | Terang Bulan | - | Rahmat Haroun |
| 23. | Bulan Merah di Tiga Kuala | - | Zahari Afandi |

Sekolah Rendah

Karya Klasik Kanak-kanak

1. Bawang Putih Bawang Merah
2. Batu Belah Batu Bertangkup
3. Bendahara Tun Perak
4. Lebai Malang
5. Hikayat Hang Tuah
6. Pak Kaduk
7. Pak Pandir

8. Puteri Gunung Ledang
9. Mahsuri
10. Mat Jenin
11. Tun Fatimah
12. Tun Mutahir
13. Sang Kelembai
14. Si Badang
15. Si Luncai
16. Si Tenggang
17. Sultan Mahmud Mangkat di Julang

Novel Sastera Kontemporari Sekolah Rendah

- | | |
|-----------------------------|---------------------------|
| 1. Apin | - Ghazali Ngah Azia |
| 2. Badai Semalam | - Khatijah Hashim |
| 3. Berukera Dari Pulau Ulba | - Mohd Ismail Sarbini |
| 4. Bintang Harapan | - Abdul Ahmad |
| 5. Fadhila | - Othman Puteh |
| 6. Melor Kuala Lumpur | - Harun Aminurrashid |
| 7. Nyawa di Hujung Pedang | - Ahmad Murad Nasarudin |
| 8. Rahsia Hutan Piatu | - Ghazali Ngah Azia |
| 9. Sesudah Senja | - Othman Puteh |
| 10. Sayang Si Tina | - Ali Majod |
| 11. Terminal Tiga | - Othman Puteh |
| 12. Zain Zawiyah | - Ahmad Murad Nasharuddin |

II. BUKU BACAAN BAHASA INGGERIS

Sekolah Menengah

Karya Klasik

- | | |
|------------------------------|-----------------------|
| 1. A Midsummer Night's Dream | - William Shakespeare |
| 2. Anthony and Cleopatra | - William Shakespeare |
| 3. As You Like it | - William Shakespeare |
| 4. Beawolf | - Chaucer |
| 5. Canterbury Tales | - Chaucer |
| 6. Hamlet | - William Shakespeare |
| 7. Henry IV | - William Shakespeare |
| 8. Illiad & Odyssey | - Homer |
| 9. King Lear | - William Shakespeare |
| 10. Julius Ceasar | - William Shakespeare |
| 11. Macbeth | - William Shakespeare |
| 12. Measure for Measure | - William Shakespeare |
| 13. Much Ado About Nothing | - William Shakespeare |
| 14. Oedipus | - Socrates |
| 15. Othello | - William Shakespeare |
| 16. Romeo and Juliet | - William Shakespeare |
| 17. The Merchant of Venice | - William Shakespeare |
| 18. The Tempest | - William Shakespeare |

- | | | |
|-----|-------------------------|-----------------------|
| 19. | The Taming of The Shrew | - William Shakespeare |
| 20. | Twelfth Night | - William Shakespeare |

Bacaan Matang (Matured Readings)

- | | | |
|-----|---|---|
| 1. | Before and After 13 th May | - Tunku Abdul Rahman |
| 2. | Being Happy | - Andrew Matthew |
| 3. | In Praise of Folly | - Erasmus |
| 4. | Mein Kempf (My Struggle) | - Adolf Hitler (terjemahan) |
| 5. | Napoleon and Islam; from French And Arab Document | - Christian Cherfils |
| 6. | 7 Habits of Highly Effective People | - Stephen R. Covey |
| 7. | The Art of War | - Sun Tzu (translated by James Clavell) |
| 8. | The Prince | - Machiavelli |
| 9. | The Power of Intelligence | - Tony Buzan |
| 10. | The Republic | - Plato |
| 11. | The Richest Man in Babylon | - George C. Clason |
| 12. | The Wealth of Nation | - Adam Smith |
| 13. | Utophia | - Sir Thomas More |
| 14. | Use Your Memory | - Tony Buzan |
| 15. | What is The Origin of Man? | - Dr. Maurice Bucaille |

Novel Sastera Menengah Tinggi

- | | | |
|-----|---------------------------|------------------------|
| 1. | Animal Farm | - George Orwell |
| 2. | A Tale of Two Cities | - Charles Dicken |
| 3. | Catcher In The Rye | - J.D. Salinger |
| 4. | Emma | - Jane Austen |
| 5. | Great Expectations | - Charles Dicken |
| 6. | Jane Eyre | - Charlotte Bronte |
| 7. | Les Misérables | - Victor Hugo |
| 8. | Moby Dick | - Herman Melville |
| 9. | Noli Me Tangare | - Jose Rizal |
| 10. | Of Mice and Men | - John Steinbeck. |
| 11. | Pride and Prejudice | - Jane Austen |
| 12. | Rebecca | - Daphne du Maurier |
| 13. | Roots | - Alex Haley |
| 14. | Silas Marner | - George Eliot |
| 15. | To Kill A Mockingbird | - Harper Lee |
| 16. | The Count of Monte Cristo | - Sir Alexandre Dumas |
| 17. | The Great Gatsby | - F. Scott Fitzgerald |
| 18. | The Grapes of Wrath | - John Steinbeck |
| 19. | The Good Earth | - Pearl S. Buck |
| 20. | The Mill on The Floss | - George Eliot |
| 21. | The Scarlet Letter | - Nathaniel Hawthorne. |
| 22. | The Pearl | - John Steinbeck |
| 23. | The Pygmalion | - George Bernard Shaw |
| 24. | Wuthering Heights | - Emily Bronte |

Novel Sastera Menengah Rendah

- | | | |
|-----|------------------------------------|---------------------------|
| 1. | Around The World in Eighty Days | - Jules Verne |
| 2. | Black Beauty | - Anne Sewell |
| 3. | David Copperfield | - Charles Dicken |
| 4. | Dr. Jekyll and Mr. Hyde | - Robert Louis Stevenson |
| 5. | Frankenstein | - Mary Shelly |
| 6. | Heidi | - Joanna Spyri |
| 7. | Journey to the Centre of The Earth | - Jules Verne |
| 8. | Kidnapped | - Robert Louis Stevenson |
| 9. | Kim | - Rudyard Kipling |
| 10. | Little Women | - Louisa May Alcott |
| 11. | Oliver Twist | - Charles Dicken |
| 12. | Prisoner of Zenda | - Anthony Hope |
| 13. | Robinson Crusoe | - Daniel Defoe |
| 14. | The Adventures of Huckleberry Finn | - Mark Twain |
| 15. | The Adventures of Sherlock Holmes | - Sir Arthur Conan Doyle. |
| 16. | The Adventures of Tom Sawyer | - Mark Twain. |
| 17. | The Hound of Baskerville | - Sir Arthur Conan Doyle |
| 18. | The Invisible Man | - H.G. Wells |
| 19. | The Jungle Book | - Rudyard Kipling |
| 20. | The King Solomon's Mines | - H. Rider Haggard |
| 21. | The Prince and The Pauper | - Mark Twain |
| 22. | The Phantom of The Opera | - Gaston Leroux |
| 23. | The Secret Garden | - Frances Hodgson Burnett |
| 24. | The Three Musketeers | - Sir Alexandre Dumas |
| 25. | The Swiss Family Robinson | - Johann David Wyss |
| 26. | Tom Brown Schooldays | - Thomas Hughes |
| 27. | 20,000 Leagues Under The Sea | - Jules Verne |

Sekolah Rendah

Bacaan Klasik Kanak-kanak

- | | | |
|-----|--------------------------------|--------------------------|
| 1. | Alice in Wonderland | - Carroll Lewis |
| 2. | Beauty and The Beast | - The Grimm Brothers |
| 3. | Cinderella | - The Grimm Brothers |
| 4. | Dick Whittington and His Cat | - The Grimm Brothers |
| 5. | Goldilocks and the Three Bears | - The Grimm Brothers |
| 6. | Hansel and Gretel | - The Grimm Brothers |
| 7. | Jack and The Beanstalk | - The Grimm Brothers |
| 8. | Little Red Riding Hood | - The Grimm Brothers |
| 9. | The Little Mermaid | - Han Christian Anderson |
| 10. | Pied Piper of Hamelin | - Han Christian Anderson |
| 11. | Pinochio | - Carlo Coloddi |
| 12. | Puss in Boots | - The Grimm Brothers |
| 13. | Sleeping Beauty | - The Grimm Brothers |

- | | | | |
|-----|----------------------------------|---|------------------------|
| 14. | Snow White and The Seven Dwarfts | - | The Grimm Brothers |
| 15. | Rumpelstiltskin | - | The Grimm Brothers |
| 16. | Rapunzel | - | The Grimm Brothers |
| 17. | The Ugly Duckling | - | Han Christian Anderson |
| 18. | The Emperor's New Clothes | - | Han Christian Anderson |
| 19. | The Red Shoes | - | Han Christian Anderson |
| 20. | The Hunchback of Notre Dame | - | Han Christian Anderson |
| 21. | The Elves and The Shoemaker | - | The Grimm Brothers |
| 22. | The Three Little Pigs | - | The Grimm Brothers |
| 23. | The Gingerbread Boy | - | The Grimm Brothers |
| 24. | The Frog Prince | - | The Grimm Brothers |
| 25. | Thumbelina | - | The Grimm Brothers |

Novel Sastera Kontemporari Kanak-kanak

- | | | | |
|-----|------------------------------------|---|--------------------------|
| 1. | Claudine's at Saint Clare | - | Enid Blyton |
| 2. | Double Act | - | Jacqueline Wilson |
| 3. | Mr. Pink Whistle Stories | - | Enid Blyton |
| 4. | Nancy Drew; Pure Poison | - | Carolyn Keene |
| 5. | The Astonishing Ladder | - | Enid Blyton |
| 6. | The Double Jinx Mystery | - | Carolyn Keene |
| 7. | The Enchanted Bellows | - | Enid Blyton |
| 8. | The Little Brownie House | - | Enid Blyton |
| 9. | The Little House on The Prairie | - | Laura Ingalls Wilder |
| 10. | The Little House in the Big Woods | - | Laura Ingalls Wilder |
| 11. | The Little Prince | - | Antoine de Saint Exupery |
| 12. | The Mystery of Holly Lane | - | Enid Blyton |
| 13. | The Mystery of The Invisible Thief | - | Enid Blyton |
| 14. | The Mystery of Tally Ho Cottage | - | Enid Blyton |
| 15. | The Mystery of The Hidden House | - | Enid Blyton |
| 16. | The Mystery of The Vanished Prince | - | Enid Blyton |
| 17. | The Phantom of Pine Hill | - | Carolyn Keene |
| 18. | The Winds in The Willow | - | Kenneth Grahame |
| 19. | The Wonderful Wizard of Oz | - | L. Frank Baum |
| 20. | The Secret of Mirror Bay | - | Carolyn Keene |
| 21. | The Teddy Bear's Tail | - | Enid Blyton |
| 22. | The Yearling | - | Majorie Kinnan Rawlings |